

D901

R B719 BAH
PANEL - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BARISAN NASIONAL AKAN MENIMBANGKAN CADANGAN PRESIDEN MCA DATUK DR LING LIONG SIK SUPAYA DITUBUHKAN SEBUAH PANEL KHAS UNTUK MENKGAJI HUBUNGAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA CADANGAN ITU, YANG DIBUAT DI PERHIMPUNAN AGUNG MCA, ADALAH BAIK.

BAGAIMANAPUN BIDANGKUASA PANEL ITU PERLU DIFIKIRKAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA DIMINTA MENGULAS CADANGAN PENUBUHAN PANEL ITU YANG ANTARA LAIN JUGA DISYORKAN MERANGKA STRATEGI UNTUK MEMASTIKAN ISU-ISU SENSITIF TIDAK DIPERALATKAN OLEH AHLI-AHLI POLITIK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

MENGENAI PERTELINGKAHAN ANTARA UMNO DAN MCA BARU-BARU INI, BELIAU MENYIFATKANNYA SEBAGAI PERKARA BIASA DAN MELALUI FIKIRAN WARAS PUCUK PIMPINAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK IA DAPAT DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN.

MENGENAI KUMPULAN 46 ANGGOTA PARLIMEN UMNO, BELIAU PERCAYA MEREKA GEMBIRA DENGAN PENYELESAIAN ISU ITU.

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN MENGAMBIL MASA UNTUK MENYELESAIKAN ISU ITU SEBAB TIDAK MAHU IA DIANGGAP BERSIKAP MENEKAN MANA-MANA PIHAK DAN SEBALIKNYA MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT MELIHAT SENDIRI KESAN BURUK YANG BOLEH TIMBUL DARIPADA ISU SEUMPAMA ITU. --

BERNAMA
1623MST 16 11 86